



# KENYATAAN MEDIA

*untuk siaran segera*

## BANK MUAMALAT LANCAR PLATFORM JARIAH FUND

**KUALA LUMPUR, 22 September 2020:** Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) hari ini melancarkan 'Jariah Fund,' iaitu platform pendanaan awam bagi projek kebajikan sosial. Majlis pelancaran disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri. Turut hadir Pengerusi Bank Muamalat, Datuk Seri Tajuddin Atan.

Objektif 'Jariah Fund' adalah untuk menyantuni golongan yang memerlukan dan meringankan beban masyarakat melalui penerapan teknologi kewangan (*fintech*). Bank Muamalat adalah peneraju dalam kalangan Institusi Kewangan Islam di negara ini yang berjaya membangunkan sebuah platform pendanaan awam dalam talian, dengan menggunakan kepakaran dalam sepenuhnya untuk tujuan amal.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamarudin berkata, platform ini merupakan antara inisiatif bagi menyokong strategi Pengantaraan Berasaskan Nilai (*Value-Based Intermediation*) seperti yang dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia.

"Platform ini menggunakan proses pembayaran elektronik menerusi gerbang pembayaran FPX di mana orang ramai boleh menyumbang secara dalam talian dan kutipan dinyatakan secara tempoh masa-sebenar (*real-time*). Orang ramai boleh melayari [jariahfund.muamalat.com.my](http://jariahfund.muamalat.com.my) dan memilih untuk menderma atau menyumbang kepada kempen yang dipaparkan. Kami berharap usaha ini dapat membantu golongan yang terjejas agar dapat meneruskan kehidupan mereka," kata Khairul.

Tambah beliau, "Bank Muamalat mendokong transformasi digital sebagai salah satu fokus strategiknya di samping peningkatan proses dan inovasi Syariah yang berterusan.

Menyentuh mengenai inisiatif berkenaan, YB Senator Datuk Dr. Zulkifli berkata, "Saya yakin 'Jariah Fund' yang dilancarkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad akan membuktikan bahawa sedekah mampu membawa kepada peningkatan ekonomi ummah, seterusnya menjana kesatuan ummah."

Bagi Fasa Pertama, bermula September 2020 hingga Mac 2021, Bank Muamalat akan bekerjasama dengan lima (5) pertubuhan bukan kerajaan (NGO), iaitu Yayasan Sejahtera, Yayasan Ikhlas, Yayasan Muslimin, The National Autism Society of Malaysia (NASOM) dan Malaysian Association for the Blind (MAB). NGO berkenaan akan bertindak sebagai rakan amal Bank bagi memantau kempen yang terpilih yang disiarkan di dalam platform ini.

Kempen yang dipilih adalah projek di bawah sektor pendidikan, kesihatan dan pemerkasaan ekonomi. Antara kempen yang terpilih termasuk projek tanaman cili padi, projek putu mayam, projek pembelajaran anak orang asli dan membantu golongan yang terjejas semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pada Fasa Pertama, Bank Muamalat menyasarkan untuk menyalurkan sumbangan sebanyak kira-kira RM40,000 kepada benefisiari terpilih melalui enam (6) projek berdasarkan komuniti.

Orang ramai boleh melayari platform 'Jariah Fund' yang tidak bermatlamatkan keuntungan di [jariahfund.muamalat.com.my](http://jariahfund.muamalat.com.my). Sumbangan kepada kempen di dalam platform ini adalah layak untuk mendapat perlepasan cukai di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

NGO yang ingin menyertai inisiatif 'Jariah Fund' sebagai rakan amal boleh menghantar cadangan mereka kepada Jabatan Dakwah, Wakaf & Zakat Bank Muamalat melalui e-mel di [wakafgroup@muamalat.com.my](mailto:wakafgroup@muamalat.com.my) untuk pertimbangan Bank.

TAMAT